

Dari Sebulan Ke Sebulan

Masjid-masjid Kita dan Loteri

(Oleh: Abdullah Basmeh)

Menurut siaran rasmi Persekutuan Tanah Melayu

bahawa dalam tahun 1960 yang lalu, 141 buah masjid

dan 158 buah surau di seluruh Persekutuan

Tanah Melayu telah dibina daripada hasil loteri kebajikan

masyarakat.

Siaran itu menerangkan lagi, tidak ada sebuah

gereja pun yang menerima bantuan-bantuan itu.

Kejadian ini sungguh memeranjatkan, malah menjadi

tamparan yang pedih kepada masyarakat Islam di negeri ini.

Kalau pihak gereja Kristian tidak ingin

meminta hasil loteri, maka mengapa pula orang-orang Islam

tergamak memintanya dan membina masjid-masjid dan surau –

rumah ibadah yang suci – dengan hasil loteri yang

haram dan kotor?

Adakah kerana kita telah hilang semangat berderma dan

bertolong bantu untuk kepentingan-kepentingan agama dan kebajikan

am, atau pun kerana telah diperdayakan oleh fatwa-fatwa yang

bertentangan dengan hukum Islam?

Sebenarnya perkara yang haram itu terang nyata, dan

perkara yang halal itu pula terang nyata.

Tidak ada sesiapa pun yang akan dapat mengabui

dan mengecohkannya.

Ejaan Malindo

Dr. Slamet Muljana, Ketua Dewan Bahasa

Singapura, telah menegaskan baharu-baharu ini, bahawa beliau

mengetahui akan pihak mana (Malaya atau Indonesia) yang

melengahkan “Ejaan Malindo” daripada dijalankan.

Tetapi beliau, katanya, tidak dapat hendak menyatakan

pihak yang manakah itu, kerana keadaan tidak mengizinkan.

Yang betulnya kedua-dua pihak sama-sama bertanggungjawab

tentang kelengahan itu.

Sebabnya?

Sistem “Ejaan Malindo” itu memang mudah,

tetapi mudah pada teorinya sahaja, mudah diputuskan

dalam Kongres.

Tentang amalannya bukan sahaja sukar tetapi

merugikan, kerana kerajaan Indonesia dan Tanah Melayu

termasuk Singapura dan negeri-negeri kerabat “Melayu

Raya” akan terpaksa menempah berkapal-kapal banyaknya “mesin

tulis” atau “*typewriter*”, yang khas dan lengkap

dengan huruf-huruf rumi yang belum pernah dikenal orang di dunia

seperti “‘ain berjambul”, “‘ain berekor” dan

lain-lain lagi, yang sesuai dengan ejaan rumi

baharu atau ((Ejaan Malindo)) itu.

Inilah salah satu sebab yang utama, yang menyebabkan

negeri yang berkaitan di Kalimantan belum lagi mahu menggabungkan diri di dalamnya. Mereka lebih dahulu mahu bersatu sama sendiri.

Sementara itu parti-parti politik di Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dan ketiga-tiga buah negeri Kalimantan itu telah menyambut baik akan rancangan Melayu Raya. Parti-parti politik di Sarawak dan Brunei (di Borneo Utara British, belum wujud parti politik) meskipun menerima rancangan itu pada dasarnya tetapi mereka berpendapat biarlah ketiga-tiga negeri bersatu sama sendiri lebih dahulu. Manakala *Front Socialist* di Tanah Melayu berura-ura hendak mengadakan satu kongres di antara

seluruh parti-parti *sosialist* dan parti-parti yang anti penjajah, untuk memikirkan rancangan Melayu Raya ini supaya tidak terpesong dan dapat pula memberikan faedah yang diharapkan oleh rakyat kelima-lima negeri yang akan bersatu itu.

* * *

Walau bagaimana rancangan “Melayu Raya” anjuran Tengku Abdul Rahman itu adalah menjadi tapak atau asas yang diharapkan pada suatu masa kelak akan terdiri di atasnya negara kesatuan “Melayu Raya” yang sebenar-benarnya, menepati hakikat dan sejarahnya, yang menggabungkan semenanjung dan seluruh kepulauan Melayu – termasuk Indonesia dan Filipina!



Anggota-anggota badan pidato dan perbahasan Madrasah al-Tawfiqiyah al-Khayriyyah Batu 16 Padang Lumat, Gurun

Kedah, bergambar untuk kenangan. Duduk dari kanan: Ahmad Bakar, Nur Muhammad ‘Abidi (Setiausaha), Zakaria,

Ustaz Azhari Abdul Rauf (Penasihat), Mizan Bakri (Yang Dipertua) dan Shafi’i Awang. Berdiri dari

kiri: Ghazali Hussain, Ahmad Uthman, Zakaria Tayyib, Abdul Ghani Umar, Abdul Ghani Haji Abdullah dan

Ismail Yusuf.